

THE MANGO TREE @ GEDUNG KUNING

Dear Julina

Thank you for replying to my letter (*Kesal pokok mangga 'bersejarah' ditebang*) that was published on 30 June in Berita Harian forum page. I would like to ask a few important questions:

1. Who gave the directives for the mango tree to be chopped?
2. Since I was informed that the MHC is not involved with the matters pertaining to Gedung Kuning, I suppose the MHF is the one responsible for making the decision. Hence how many MHF's board members agree or disagree to this decision? Or did you make this decision on your own?
3. Why was I not informed before you chopped the tree (you emailed me AFTER the tree was gone)?
4. Where are the other reports that would have justified your actions (even the report about the termites problem that you alleged to come from the tree was not given to me. You merely mentioned it during our 6 April meeting)?
5. Who and which company was tasked to chop the tree?
6. How was the tree removed? What equipment was used?
7. Where is the tree discarded now?

In response to your reply (*Yayasan Warisan Melayu jelaskan sebab tindakannya*) published on 4 July, I will write my rejoinders in Malay:

Point 1:

Julina (J): Pada bulan itu juga, satu sesi pemeriksaan telah dilakukan untuk memastikan sama ada ia boleh disenaraikan sebagai sebuah pokok warisan. Namun, pokok itu didapati tidak menepati ciri-ciri pokok warisan.

Hidayah (H): Ciri yang digunakan sebagai criteria adalah besar lilitan harus lebih dari 5 m. Ciri ini tidak sesuai sebab ada juga pokok-pokok kecil seperti pokok bonsai, yang tidak akan mencapai setengah daripada yang di harapkan.

Point 2:

J: Semasa pemeriksaan tersebut, kami juga dimaklumkan bahawa keadaan pokok itu boleh membahayakan orang ramai dan menerima usulan agar mendapatkan nasihat lanjut daripada pakar pokok mengenai kesihatan dan kestabilan pokok tersebut.

H: Isu (bahaya) ini senang dicegah, sebagai langkah sementara dengan menggunakan sokongan (support) dan pagar. Tetapi langkah-langkah begini tidak sedikit pun diutarakan. Saya sedia berbincang langkah dan tahap kerja, jika saya diberi peluang (tetapi malangnya tidak).

Point 3:

J: Oleh itu, kami melantik seorang pakar pokok bertauliah untuk membuat penilaian dan nasihat pakar bagaimana cara terbaik memelihara pokok tersebut. Namun, laporan yang kami terima mengemukakan saranan sebaliknya.

H: Walaupun pakar pokok itu bertauliah, laporan itu telah dibuat berdasarkan pemerhatian saja, dengan melihat dipermukaan saja. Beberapa cadangan yang dibuat mungkin boleh dicabar dengan menggunakan pemeriksaan yang lebih mendalam. Pengajian ini tidak dalam jika dilihat isi utama laporan mengandungi 232 perkataan (laporan itu mempunyai 7 halaman, 5 gambar). Saya tidak menyoal kepakaran juru pokok itu, tetapi kalau perintah (order) yang diberi oleh MHF tidak jelas atau terlalu murah, itulah saja yang akan dan telah dilakukan.

Point 4:

J: Laporan daripada pakar pokok tersebut mengutarakan beberapa perkara yang tidak didedahkan sepenuhnya oleh penulis.

Walaupun laporan tersebut menyatakan bahawa pokok itu adalah sihat secara keseluruhannya, ia juga menarik perhatian kepada beberapa perkara membimbangkan yang boleh membahayakan keselamatan orang ramai dan juga bangunan tersebut.

H: Dari segi laporan cadangan yang paling penting, yang merangkumi seluruh laporan, biasanya ditulis pada awal laporan itu. Ini bermakna bahawa cadangan yang kedua, ketiga dan selanjutnya tidak begitu penting, atau masih belum boleh dipastikan atau boleh diperbaiki. Dalam laporan ini kenyataan yang utama sekali yang dikatakan dengan jelas oleh juru pakar pokok adalah bahawa pokok itu sihat secara keseluruhannya.

Kita boleh bandingkan perkara ini dengan seorang doktor gigi. Dia tidak akan mencabut semua gigi yang kelihatan reput walaupun dia tahu bahawa dalam tempoh 5 hingga 10 tahun bahawa gigi itu akan tercabut sendiri. Dan biasanya dia akan menanya tuan gigi dulu itu sebelum mencabutnya.

Point 5:

J: Pertama, terdapat dua bekas cantasan (pruning) yang reput di tengah pokok.

H: Ini perkara kecil. Mungkin 5% dari semua pokok-pokok di Singapura juga mempunyai kereputan begini, tetapi tidak ditumbang.

Point 6:

J: Perkara kedua yang menimbulkan kebimbangan ialah terdapat dua akar besar berukuran 0.25 meter dan 0.2 meter serta satu akar kecil berukuran 0.05 meter yang kini membelit bawah pokok itu (strangling the tree). Jika ia tidak ditebang, ia akan membuat pokok mati dan tumbang.

H: Perkara ini hanyalah pandangan saja. Kajian sepenuhnya belum dijalankan. Sebaliknya mungkin ada cara lain untuk melepaskan akar-akar itu..

Pandangan Puan Julina sangat pelik: Puan merasa begitu bimbang akan kesihatan pokok itu kerana dibelit sebab itulah puan telah membunuh pokok itu secepat mungkin.

Point 7:

J: Laporan itu juga menyatakan bahawa jika akar-akar itu ditebang, ia juga akan membuat pokok itu tumbang atau menyebabkan kereputan (introduce decay) yang boleh menyebabkan pokok itu mati dan tumbang.

H: Terjemahan laporan ini kurang tepat. Penulis laporan itu mengatakan: "The cutting of these

girdling roots may cause the tree to uproot or it may introduce decay into the root system and result in the tree death or uprooting in future.”

Penulis hanya mengatakan kemungkinan adanya proses itu berlaku, belum ada kepastian. Ini bermakna juga ada kemungkinan yang ia tidak akan berlaku, atau jika telah bermula berlaku ada kemungkinan untuk menyelamatkannya. Tempoh masa yang dikatakan pun belum pasti. Ia boleh menjangkau 5 tahun atau 10 tahun atau lebih.

Point 8:

J: Akhir sekali, laporan itu juga mendapati bahawa pokok itu tumbuh terlalu dekat dengan bangunan dan mengesyorkan agar pokok itu ditebang.

H: Cadangan ini sangatlah lemah kerana Encik Ng Tze Peng bukanlah pakar bangunan tetapi pakar pokok. Juga saranan itu diletakkan pada cadangan yang terakhir. Lagipun laporan itu hanya mengutarakan 2 alternatif saja: 1. Dibiarkan hidup dengan konsekuennya atau 2. Ditebang. Alternatif-alternatif lain seperti disokong atau dipindahkan ke tempat lain tidak sekali disarankan.

Point 9:

J: Setelah meneliti laporan tersebut, kami juga mendapat nasihat selanjutnya sama ada ia boleh dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat di persekitaran Gedung Kuning.

H: Dari mana datangnya nasihat ini? Dan mengapa saya tidak diberitahu?

Point 10:

J: Namun, seperti yang dimaklumkan dalam laporan tersebut, keadaan akar-akar yang membelit pokok itu menyebabkan kemungkinan ia tumbang amat tinggi.

H: Tanggapan yang lemah. Lihat di atas.

Point 11:

J: Oleh itu, usaha lanjutan bagi menyelamatkan pokok itu dengan memindahkannya ke tempat lebih selamat tidak dapat dilaksanakan.

H: Mungkin mustahil dipindahkan hidup-hidup kerana pokok itu telah mati ditebang.

Point 12:

J: Segala usaha lanjutan ini telah kami maklumkan dalam surat pemberitahuan kami kepada penulis.

H: Usaha lanjutan itu telah dimaklumkan setelah pokok itu ditumbang.

Point 13:

J: Sememangnya, kami pada mulanya menimbangkan permintaan penulis pada 6 April lalu untuk tidak menebang pokok tersebut jika ia tidak terbabat dengan masalah penularan anai-anai.

H: Masalah penularan anai-anai tidak sedikit pun disebut dalam laporan itu. Mungkin ini khayalan sahaja.

Point 14:

J: Namun, pemeriksaan lanjut dan laporan pakar menunjukkan perkembangan terbaru pokok tersebut dan menarik perhatian kepada beberapa perkara yang membahayakan yang perlu diambil perhatian.

H: Apa yang dikatakan tidak benar – laporan daripada pakar pokok mengatakan bahawa pokok itu sihat pada keseluruhannya.

Point 15:

J: Kami juga telah melakukan pelbagai usaha lanjutan untuk cuba menyelamatkan pokok itu, tetapi ia tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab yang telah dinyatakan dengan jelas dalam laporan tersebut.

H: Usaha lanjutan yang mana satu?

Point 16:

J: Malang tidak berbau dan kemalangan boleh berlaku bila-bila masa.

H: Mungkin Puan Julina patut duduk di rumah saja kerana kehidupan di Singapura sangat bahaya kerana ramai yang mati dalam kemalangan jalan-raya, jatuh dari tingkap rumah dan sebagainya. Malang tidak berbau.

I look forward to your response. Thank you.

Best regards,

Hidayah